

TRITERRA

Rakan kongsi
KL Metropolis Ms.B3

Triterra rakan kongsi KL Metropolis

➔ Pemaju bakal
bina menara
korporat dikenali
'The MET
Corporate Towers'

Oleh Nurhayati Abillah

nurhayatiabillah@bh.com.my

Pembangunan ikonik KL Metropolis oleh Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), terus menerima sokongan daripada pemaju hartanah tempatan menerusi kerjasama rakan strategik terbaharunya dengan Triterra Metropolis Sdn Bhd (Triterra).

Menerusi kerjasama itu, Triterra bakal membangunkan menara korporat dikenali 'The MET Corporate Towers' yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) RM650 juta.

Pengerusi Bersama Triterra, Datuk Seri Michael Yam Kong Choy, berkata pembangunan menara berkenaan merangkumi dua blok terdiri daripada unit runcit dan komersial yang dijangka siap pada 2021.

Strategik

Katanya, perkongsian berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada Triterra mengukuhkan kehadiran dalam sektor pembangunan hartanah tempatan, tetapi ia juga adalah kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

"Pada masa sama, ia juga akan menjadi pemangkin kepada transformasi pelan induk KL Metropolis," katanya selepas majlis menandatangani perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Triterra Metropolis, Christopher Lim Hwa Seong serta Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin.

Terdahulu, Kong Choy dan Faliq turut merasmikan perlawanan bola sepak persahabatan antara Triterra dan Naza TTDI yang dia-

dakan sempena kerjasama itu.

Sementara itu, Faliq berkata, pihaknya mengalu-alukan Triterra sebagai salah satu rakan kongsi strategik untuk merealisasikan wawasan pembangunan pelan induk KL Metropolis.

"Projek pembinaan menara itu diharap menjadi 'pintu masuk' untuk menarik lebih ramai perniagaan tempatan dan antarabangsa menyertai pembangunan di KL Metropolis," katanya.

Mengulas lanjut mengenai KL Metropolis, Faliq berkata, pihaknya kini memfokuskan pembangunan hotel di lokasi berkenaan.

"Kami menyasarkan untuk membina tiga hingga empat hotel bertaraf empat bintang dan satu hotel bertaraf lima bintang di kawasan berkenaan," katanya.

Fakta
nombor

RM650 JUTA
nilai pembangunan
kasar (GDV) menara
'The MET Corporate
Towers'



Hwa Seong (kiri), Kong Choy (empat dari kiri) dan Faliq (lima dari kiri) pada majlis menandatangani perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

